



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2014  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[30 markah]

<http://cikguadura.wordpress.com/>  
[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan membaca**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



**Bahagian B**

[100 markah]

<http://cikguadura.wordpress.com/>  
 [Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]


**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Anda telah menyertai program pengantarabangsaan yang dianjurkan oleh sekolah anda. Anda berhasrat untuk menceritakan pengalaman sepanjang menyertai program tersebut.

Ceritakan pengalaman anda.

2. Bersempena dengan Karnival Kokurikulum peringkat sekolah, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk pertandingan syarahan. Anda berminat untuk menyertai pertandingan syarahan tersebut. Tajuk syarahan yang anda pilih ialah “Peranan Ibu Bapa dalam Memupuk Gaya Hidup Sihat”.

Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.



*Sumber: Portal Rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia pada 2 Julai 2014*

3. Statistik di atas menunjukkan bahawa tidak kurang daripada 47 kemalangan telah dilaporkan berlaku pada setiap hari di lebuhraya tidak termasuk jalan-jalan lain.

Selaku rakyat yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang berkesan yang boleh dilakukan untuk mengatasi kemalangan jalan raya. Cadangan anda hendaklah dihuraikan dan disertai oleh bukti yang kukuh.

4. Kedatangan buruh asing ke negara kita mendatangkan pelbagai kesan. Bincangkan.
5. Tulis sebuah karangan yang bertajuk “Kalau Saya Kaya”.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2014  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **9** halaman bercetak.

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan dan faktor-faktor yang menyebabkan pengangguran. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Berdasarkan statistik, kira-kira 240,000 daripada 1.2 juta orang pelajar di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia akan menamatkan pengajian mereka pada setiap tahun. Ini bermakna lebih 200,000 orang graduan perlu bersaing dalam suasana yang sengit untuk mendapatkan kerja. Ekoran daripada itu, pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu menstrukturkan program mereka dalam elemen ilmu, nilai dan kemahiran supaya dapat memantapkan kemahiran insaniah sebagai persiapan kebolehpasaran untuk para graduan mereka. Kementerian Pendidikan juga seharusnya meningkatkan jumlah jam kredit bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di IPT awam dalam usaha memastikan graduan memperkasakan penguasaan bahasa tersebut. Diharapkan agar penguasaan kemahiran komunikasi dalam bahasa antarabangsa ini membolehkan mereka *membina keupayaan* yang tinggi sebelum melangkah ke pangkuhan masyarakat. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga melaksanakan program yang membolehkan siswazah mempunyai kecekapan yang diperlukan oleh majikan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan IPT. Menurut Menteri Pendidikan, program ini merupakan nilai tambah kepada graduan dalam pelbagai aspek.

Sehubungan dengan hal itu, kerajaan amat menggalakkan setiap IPT membangunkan pusat keusahawanan yang bukan sahaja berperanan untuk merancang, menyelaras dan memantau program, malahan menyediakan usahawan berpengetahuan. Hal ini demikian kerana apabila siswazah menamatkan pengajian, mereka mampu menjadi graduan yang berkualiti yang akan menyumbang kepada kekuatan modal insan yang diperlukan negara. Pihak Kementerian Sumber Manusia juga telah menujuhkan 11 buah *Jobs Malaysia Centre (JMC)* yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan penjodohan kerja secara atas talian, mengendalikan proses temu duga dan menyediakan perkhidmatan bimbingan kaunseling serta kerjaya di seluruh negara. JMC juga turut menjalankan kerjasama dengan IPT bagi menyediakan pelbagai latihan kemahiran.

Sebenarnya, usaha untuk melahirkan siswazah yang berkualiti adalah penting untuk memenuhi tuntutan pekerjaan. Modal insan inilah yang akan dapat melestarikan pembangunan negara pada masa hadapan. Menyedari kepentingan inilah, kerajaan telah melancarkan Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) pada bulan Jun 2010 yang membabitkan 8,000 orang graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga telah menjalankan program khas langkah jangka pendek kepada 12,000 daripada 20,000 orang graduan bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan bagi menangani masalah pengangguran di negara ini. Secara tuntasnya, siswazah sendiri perlulah berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran yang bersesuaian dengan kehendak pasaran pekerjaan. Mereka mestilah membuat persiapan yang lebih mantap dengan menjana kualiti diri siswazah agar mereka dapat melestarikan pembangunan negara pada masa hadapan.

(Dipetik daripada "Meningkatkan Kebolehpasaran Siswazah Tempatan"  
oleh Haji Samat Buang, *Wadah Siswa 2012*)

**Soalan 2: Pemahaman**  
<http://cikguadura.wordpress.com/>  
[35 markah]

**Soalan 2(a) - Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *membina keupayaan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kepentingan melahirkan siswazah yang berkualiti. Nyatakan kepentingan-kepentingan tersebut. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda diberi pilihan untuk bekerja sendiri atau makan gaji, apakah pilihan anda? Berikan **dua** alasan anda [4 markah]

**Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

RIPIN: Wak masuk hutan minggu lepas? (*Melihat longgokan akar kayu di hujung beranda*)

TUK WALI: Nak dapat banyak tu, sehari suntuk aku di hutan. Bawa bekal nasi lagi!

RIPIN: Dah berpuluhan tahun dire dah, wak! Tak ada siapa pulak yang menanam semula.

TUK WALI: Kalau ikut petua, ikut pantang larang, sampai anak cucu pun insya-*Allah* ada lagi. Bila aku cakap fasal pantang larang, semua orang ketawa. Bila aku bukakan rahsia petua ke hutan, ada orang kata aku ni nak jadi Tarzan. Orang sekarang ni tak berasa malu lagi bila merosakkan...dah hilang rasa hormat mereka pada alam!

RIPIN: Petua yang mana, wak?

TUK WALI: Pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang. Pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh. Kalau hati belum pasti, jangan cantas. Kalau belum mengenal, berkenal dulu.

RIPIN: Mereka mencantas, menebang tu pun kerana nak mengenallah, wak!

TUK WALI: Belajarlah mengenal pada ibu, bukan cabut anak. (*Kesal*) Yang langgar pantang, anak cucu aku jugak. Cakap aku ni tak dihargai langsung. (*Marah*) Si Berahim anak tiri aku tu! Dia murid Si Guan, Guan kedai singse tu! Tunjuk mana pasak bumi, tongkat ali, dikenalkannya rancang besi, rancang tembaga, yang mana raja berangkat, apa khasiat lukai jantan, apa gunanya tenguk biawak!

RIPIN: *Masya-Allah!* Semuanya diajar, wak?

(Dipetik daripada “Gelanggang Tuk Wali” oleh Ismail Kassan dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah pandangan Tuk Wali tentang orang sekarang? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah perubatan tradisional seperti menggunakan tumbuhan herba masih diamalkan oleh masyarakat kini? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Tuk Wali berdasarkan petikan dan **satu** perwatakan Tuk Wali berdasarkan keseluruhan drama. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Lalu Sultan Muhammad Zainuddin bertitah kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara minta langgarkan Panembahan Agung.

Maka *bercakaplah sekaliannya* orang Bugis serta mengaruk lalu turun ke perahu bersimpan, berkemas, membaiki perahu. Serta sampai tujuh hari, mudiklah di Batangan Pawan Sungai Matan.

Serta sampai ke pangkalan negeri Matan, lalu naiklah ke darat Opu Daeng yang berlima bersaudara, serta dengan Inderaguru Tujarapok dan berserta panglima-panglima sekalian, dan serta juak sekalian naik ke darat.

Lalu tahulah Panembahan Agung. Lalu disuruhkan menantunya bernama Daeng Mataku dan satu lagi menantunya Tuan Haji Hafiz, orang Bugis itu, jadi ilmunya. Ditaruhnya bokor di hadapannya, atau pasu; dan jikalau dibedil orang-orang, semua peluru yang dekat dia berkumpul di dalam pasu itu di hadapannya. Demikianlah jadi ilmunya Tuan Haji Hafiz.

Dan keluarlah dia dari dalam kota serta dengan Daeng Mataku dan serta dengan juak-juaknya sekalian dan berserta dengan orang Matan, bersama-sama keluar berjumpa dengan Opu Daeng yang berlima bersaudara itu. Dan belum berbunyi senjata sebelah-menyebelah, lalu bertemu lah Tuan Haji Hafiz dan Daeng Mataku kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara itu lalu berjabat salam serta bertanya khabar.

(Dipetik daripada “Hikayat Opu Daeng Menambun”  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *bercakaplah sekaliannya*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ilmu Tuan Haji Hafiz menjadi. [3 markah]
- (iii) Negara anda diserang oleh musuh secara tiba-tiba. Pada pendapat anda, apakah yang wajar anda lakukan untuk menyelamatkan diri dalam situasi tersebut? [3 markah]

**Soalan 2(d) - Petikan Puisi**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Harga Remaja**

Berapakah sebenarnya harga remaja  
yang bersih  
dari gelodak kecawa  
bagai kehijauan daun  
bagai kesegaran pohon  
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi  
piala remajamu  
adakah cuka kesangsian  
dari cinta murah  
atau madu ajaran  
dari ilmu susah

Remaja amat mahal  
sesungguhnya  
tiada terbeli oleh perjanjian  
harga remaja adalah  
pendirian  
keberanian dan ilmu

Penuhilah remajamu  
dengan ketentuan tuju

**Rahman Shaari**

Antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah ciri-ciri remaja yang berharga menurut pandangan penyajak?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah remaja perlu disedarkan tentang harga diri mereka?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak.  
[4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan  
<http://cikguadura.wordpress.com/>*

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- |                      |   |               |
|----------------------|---|---------------|
| i. rumah ibu         | - | ibu rumah     |
| ii. pokok pangkal    | - | pangkal pokok |
| iii. orang-orang tua | - | orang tua-tua |

[6 markah]

- (b) Kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat yang lengkap** bagi setiap ayat seperti yang berikut:

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

- i) Hari Kebangsaan disambut meriah oleh warga Malaysia pada setiap tahun.
- ii) Kemenangan pasukan Jerman dalam perlawanan Piala Dunia sudah dijangkakan oleh semua.
- iii) Semua umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidifitri pada hujung bulan ini.
- iv) Beruang panda yang dibawa masuk dari China itu sangat comel dan manja.
- v) Mencapai kemenangan dalam pertandingan peringkat kebangsaan dengan mudah, pasukan bahas yang berasal dari Seremban itu.
- vi) Ibu bapa diingatkan agar menjaga keselamatan anak-anak terutama semasa membeli-belah.

[6 markah]

(c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- i. Hidangan hari itu iaitu mee kari dan ayam yang digoreng kekuning-kuningan beserta sos istimewa sebagai pencihah membangkitkan seleranya.
- ii. Penggunaan internet memang mempercepat urusan namun tidak sesuai untuk semua keadaan kerana terdapat juga keburukannya.
- iii. Majlis itu dikritik habis-habisan kerana perlaksanaannya tidak mengikut aturcara dan tempoh masa yang ditetapkan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Kata-kata aluan buku program itu amat tepat sekali dengan objektif program kerana penulisnya tidak sembarang orang.
- ii. Para pekerja kontrak itu menetak dahan-dahan pokok hiasan di sepanjang jalan raya utama itu hingga tidak mengganggu kelancaran lalu lintas.
- iii. Rakyat-rakyat negeri itu begitu teruja untuk menyambut keberangkatan tiba baginda sultan yang baru dilantik ke daerah mereka.

[6 markah]

(e) *Lengkapkan peribahasa yang berikut dengan tepat. Setiap perkataan yang digunakan mestalah sama dengan peribahasa Melayu lama.*

- i. Untung sabut timbul, .....
- ii. Masuk kandang kambing mengembek, .....
- iii. Belum duduk, .....
- iv. Sekali air bah, .....
- v. ..... , pagar makan padi.
- vi. ..... , besarlah keraknya.

[6 markah]

<http://cikguadura.wordpress.com/>  
**Soalan 4 : Novel**  
[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- (i) Azfa Hanani karya Hanis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) Papa... (akhirnya kau tewas jua) karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mohamad
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vi) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

- (a) Seseorang penulis memberikan sumbangan yang besar kepada khalayak pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan sumbangan penulis tersebut kepada pembaca menerusi novel yang ditulisnya.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

<http://cikguadura.wordpress.com/>

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2014  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan

Kertas soalan ini mengandungi **6** halaman bercetak.

**BAHAGIAN A :****Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

[ 30 markah ]

**KRITERIA PENSKORAN**<http://cikguadura.wordpress.com/>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26-30 atas (28 – 30)  bawah (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan menepati tema bahan rangsangan</li> <li>- Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat</li> <li>- Penggunaan tanda baca betul dan tepat/kosa kata luas dan <b>tepat</b></li> <li>- Wacana lengkap</li> <li>- Unsur bahasa yang digunakan bervariasi</li> <li>- Menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b></li> <li>- Idea relevan dengan tema dan diuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b></li> </ul>
KEPUJIAN	20-25 atas (23 – 25)  bawah (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan</li> <li>- Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat</li> <li>- Penggunaan tanda baca yang betul dan tepat/kosa kata luas</li> <li>- Wacana lengkap</li> <li>- Unsur bahasa yang digunakan bervariasi</li> <li>- Idea relevan dengan tema dan diuraikan dengan <b>jelas</b></li> </ul>
MEMUASKAN	15-19 atas (17 – 19)  bawah (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan</li> <li>- Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat</li> <li>- Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul</li> <li>- Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru</li> <li>- Penggunaan kosa kata umum</li> <li>- Wacana masih lengkap.</li> <li>- Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi</li> <li>- Idea masih relevan dengan tema dan huraian idea <b>masih jelas</b></li> </ul>
KURANG MEMUASKAN	10-14 atas (12 – 14)  bawah (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan</li> <li>- Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat .</li> <li>- Kesalahan- kesalahan tatabahasa ketara.</li> <li>- Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara.</li> <li>- Penggunaan kosa kata terhad</li> <li>- Wacana <b>kurang</b> lengkap Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi</li> <li>- Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema. Huraian <b>kurang jelas</b></li> </ul>

PENCAPAIAN MINIMUM	01-09 atas (06 – 09)  bawah (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis</li> <li>- Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat</li> <li>- Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan</li> </ul>
-----------------------	--	--

\*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik,petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain

Karangan berdasarkan bahan rangsangan: Kepentingan Membaca

Cadangan Isi:

1. Menambahkan ilmu pengetahuan
2. Meningkatkan kemahiran berbahasa
3. Mencetuskan idea baru
4. Hobi yang berfaedah

Catatan: *Idea-idea lain yang boleh dipertimbangkan;*

1. Bijak menyelesaikan masalah
2. Merancakkan industri penerbitan buku
3. Memajukan negara

**BAHAGIAN B****KRITERIA PENSKORAN**  
<http://cikguadura.wordpress.com/>

PERINGKAT	MARKAH	- KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 atas (90 – 100)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat</li> <li>- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis</li> <li>- Ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- Idea relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>- Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai</li> <li>- Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> <li>- Penggunaan unsur bahasa bervariasi</li> <li>- Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa</li> </ul>
KEPUJIAN	66 – 79 atas (73 – 79)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat</li> <li>- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum</li> <li>- Ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>- Idea relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan disertakan contoh yang sesuai</li> <li>- Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai</li> <li>- Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> <li>- Penggunaan unsur bahasa bervariasi</li> <li>- Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
BAIK	51 - 65 atas (58 – 65)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai</li> <li>- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum</li> <li>- Ejaan dan tanda baca masih betul</li> <li>- Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>- Penggunaan kosa kata umum</li> <li>- Idea masih relevan mengikut tugasan, huraihan isi masih jelas dan contoh masih sesuai</li> <li>- Pengolahan masih menarik dan perenggan masih sesuai</li> <li>- Wacana masih lengkap</li> <li>- Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi</li> <li>- Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> </ul>

MEMUASKAN	36 - 50 atas (43 – 50)  bawah (36 – 42)	- Penggunaan pelbagai jenis kata terhad - Ayat kurang gramatis - Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - Laras bahasa kurang sesuai dengan tugasan - Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - Pengolahan kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai - Wacana masih/kurang lengkap - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
		- Penggunaan kata kurang tepat - Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea masih relevan/bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - Pengolahan tidak menarik - Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah
		- Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea bercampur aduk,dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - Pengolahan tidak menarik - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami

**Soalan 1**

Format : Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharap dapat menceritakan pengalamannya menyertai sebarang program pengantarabangsaan yang dijalankan di dalam atau di luar negara yang melibatkan sekurang-kurangnya dua buah negara. Isi-isi merangkumi cara hidup, bahasa dan adat.

**Soalan 2**

Format: Syarahan

Markah akan ditolak maksimum 2 markah (Kata alu-aluan, kata sapaan, penutup)

Cadangan idea:

- Calon diharap dapat menulis peranan ibu bapa dalam memupuk gaya hidup sihat.

Catatan:

- *Huraian gaya hidup sihat merangkumi semua aspek kehidupan seperti fizikal, emosi, spiritual,mental pergaulan, nilai murni dan sebagainya.*

**Soalan 3**

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharap dapat menulis/menghuraikan langkah-langkah yang berkesan yang boleh diambil untuk mengatasi kemalangan jalan raya. Langkah-langkah yang diambil oleh:

1. Ibu bapa/ keluarga
2. Ahli masyarakat
3. Agensi kerajaan
4. Badan bukan kerajaan
5. Media massa

**Soalan 4**

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharap dapat membincangkan/menghuraikan isi-isi yang melibatkan sekurang-kurangnya dua daripada aspek berikut:

1. Punca-punca
2. Kesan baik
3. Kesan buruk
4. Cara mengatasi

**Soalan 5**

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon dapat menulis/menghuraikan karangannya dengan memperlihatkan kematangan idea dalam penulisan.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

---

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2014**

**PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

**Markah penuh: 110 markah**

## **Soalan 1**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
(b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi [20 markah]

## Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

  - nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

**Soalan 1: Rumusan**  
<http://cikguadura.wordpress.com/>

**Pendahuluan** (2 markah)

Petikan membincangkan usaha-usaha/kaedah-kaedah/cara-cara/metodologi/tindakan untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan di Malaysia/negara kita (2m)

Petikan membincangkan usaha-usaha/kaedah-kaedah/cara-cara/metodologi meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan (1m)

**Isi Tersurat** (Usaha-usaha meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan)

[4 hingga 12 markah]

- S1 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu menstruktur program mereka dalam elemen ilmu,nilai dan kemahiran . (2m)
- S2 Kementerian Pendidikan juga seharusnya meningkatkan jumlah jam kredit bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di IPT awam (2m)
- S3 Kementerian Pendidikan juga melaksanakan program yang membolehkan siswazah mempunyai kecekapan yang diperlukan oleh majikan
- S4 Kerajaan amat menggalakkan setiap IPT membangunkan pusat keusahawanan (2m)
- S5 Kementerian Sumber Manusia juga telah menukuhan 11 buah *Jobs Malaysia Centre(JMC)*di seluruh negara (2m)
- S6 JMC juga turut menjalinkan kerjasama dengan IPT bagi menyediakan pelbagai latihan kemahiran(2m)
- S7 Kerajaan telah pun melancarkan Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) (2m)
